



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	UTUSAN MALAYSIA		
TARIKH	:	23/9/2021 (KHAMIS)	MUKA SURAT	: 29
JABATAN	:	JMG		

Banjir lumpur berisiko berlaku di kaki Gunung Kinabalu

UM, 23 Sept
2021 29

Oleh **SURAIDAH ROSLAN**
utusanews@mediamula.com.my

KOTA KINABALU: Insiden aliran serpihan yang berlaku di Gunung Jerai, Kedah berisiko berlaku di kawasan sekitar kawasan kaki Gunung Kinabalu.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Pengarah Pusat Kajian Bencana Alam, Universiti Malaysia Sabah (UMS), Prof. Madya Dr. Rodeano Roslee berkata, aliran serpihan yang akan membawa banjir lumpur itu berisiko berlaku kerana runtuhannya akibat gempa bumi pada 2015 mula membentuk empangan sementara di kawasan kaki gunung.

Maka, apabila hujan berterusan, ia akan menyebabkan hakisan berlaku dan apabila sampai tempoh tertentu, empangan sementara ini akan pecah dan aliran serpihan kayu akan turun menggunakan kuasa hidro dinamik dengan sangat kuat dan deras.

Aliran ini akan membawa turun sisa peninggalan runtuhan Gunung Kinabalu ke kawasan tanah rendah.

Beliau berkata, selepas gempa bumi, aliran serpihan yang membawa banjir lumpur berlaku di Kampung Mesilau, Kundasang sehingga bongkah batu sebesar rumah mampu diangkat turun.

"Biarpun ini proses geologi yang berlaku secara semula jadi, namun, pihak berwajib perlu mengenal pasti lokasi atau mengesan tinggalan runtuhan semasa gempa bumi.

"Kita juga boleh melakukan simulasi untuk melihat kandungan hujan yang boleh ditampung secara maksimum dan bagaimana ia boleh pecah secara semula jadi.

"Pihak berwajib perlu melaksanakan kajian bagi mengenal pasti kawasan yang mengalami perubahan secara perlahan atau mendadak bagi memastikan tindakan pemindahan boleh dilakukan lebih awal bagi mengelakkan kematian dan kerosakan harta benda yang lebih teruk," katanya.

Malah, Ribut Greg yang disebabkan aliran ini juga pernah berlaku di Keningau pada Di-



RODEANO Roslee melawat tanah runtuh di Kampung Madsiang, Penampang baru-baru ini.

seMBER 1996 dan kejadian itu mengakibatkan 302 nyawa terkorban.

Dalam pada itu, Rodeano berkata, kajian awal bagi mengenal pasti kawasan berisiko

tanah runtuh boleh dilakukan dalam skala besar menggunakan data satelit oleh agensi-agensi berkaitan.

"Misalnya di Penampang,

daripada imej satelit, kita sudah boleh mengenal pasti kawasan yang berpotensi berlaku tanah runtuh. Selepas itu, barulah kajian terperinci boleh dilakukan bagi mengkaji kestabilan dan langkah mitigasi yang perlu diambil untuk mengelakkan impak yang lebih teruk.

"Jika kita menjalankan kajian pengurusan risiko tanah runtuh lebih awal, elemen berisiko seperti nyawa manusia mahupun kemudahan awam dapat dilindungi," katanya.

Menurutnya, kejadian tanah runtuh di Kampung Madsiang, Penampang baru-baru ini memang tanah runtuh secara semula jadi dan tidak dinafikan berlaku pemetongan bukit untuk pembinaan hingga menyebabkan berlaku hakisan.

Justeru, integrasi antara agensi-agensi kerajaan berkaitan seperti Jabatan Geosains dan Mineral (JMG) dan Jabatan Kerja Raya (JKR) perlu dilakukan bagi mengenal pasti punca dan mencari penyelesaian mengatasi kejadian tanah runtuh di negeri ini.